



WARISAN

Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | | |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat | 6 - 10 |
| 2. | Pelabuhan Pengkalan Kempas | 11 - 18 |
| 3. | Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. | Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan | 32 - 46 |
| 5. | Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin | 47 - 51 |
| 6. | Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu | 52 - 64 |
| 7. | Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih) | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon: Seremban 722421 & 722311
**PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.**

فجاجة منتري بسر
نكري سمبيلن
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

KATA-KATA ALUAN.

Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.

Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.


Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.

Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.

Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
70604 SEREMBAN.
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



KATA-KATA ALUAN

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.

Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.

Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.

Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.


Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.
Merangkap,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



Dari Meja Pengarang

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.

Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.

Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.

Terima Kasih.

MOHD HISA BIN TAHAT
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1991 - 1992**

Yang DiPertua

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,
SPNS., PSM., DSNS, PMC.
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

Naib Yang DiPertua

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

Setiausaha Kehormat

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Penolong Setiausaha Kehormat

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

Bendahari

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.

Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.

Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim

Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

Sidang Redaksi Warisan ke 15:

Pengerusi

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

Editor

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Misan bin Mastor

Encik Zulkapli Othman

Setiausaha

Encik Mahadi Abdul Rahman.

Kepentingan Legenda Dan Mitos Dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan

Oleh: _____

ENCIK ZULKAPLI BIN HAJI OTHMAN

Sekolah Menengah Tampin.

Sebelum membincangkan kepentingan legenda dan mitos dan kaitan dengan kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan, lebih baik di terangkan konsep mitos dan legenda itu sendiri. Mitos adalah prosa naratif yang dianggap oleh masyarakat yang menuturkannya sebagai sesuatu yang benar dan pernah terjadi pada masa lalu. Ia di pandang suci dan kudus, pelakunya terdiri daripada manusia yang mempunyai sifat-sifat istimewa dan sekral,(1)

A fable embodying the convictions of a people as to their goods or other devine personages, their own origin and early history and the heroes connected with it, or the origin of world, in a looser sense, any invented story, something or someone having no existence in fact.

Manakala konsep legenda pula merupakan kisah-kisah mengenai keperibadian dan keunggulan tokoh-tokoh yang berkemungkinan besar hidup didalam sejarah sesuatu masyarakat. (2) Tokoh-tokoh itu pula selalunya dikaitkan dengan kekuatan politik dan agama serta kebolehan luar biasa dan menjadi kemegahan masyarakat setempat dan dunia. Tokoh legenda selalunya dipercayai tanpa memperhitungkan sama ada kewujudannya terbukti atau tidak selagi tidak bertentangan dengan amalan dan kepercayaan sesuatu masyarakat, (3)

...is to accept it as true, unless it itself contradicts that already been believed seems to imply such a contradiction.

-
1. New Webster's Dictionary, College Editions, New York, 1980.
 2. J.J. Bachoten, Myth, Religions and Mother Right, London, 1967, hal, 48.
 3. Toynbee and History, Critical Essay and Review, Boston, 1956, hal 22.

*Kertas kerja ini dibentangkan oleh penulis diSeminar Sejarah, Persatuan Sejarah Universiti Malaya (PSUM) pada tahun 1987, anjuran Persatuan Sejarah (PSUM) dan Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Bagaimana pula pandangan ahli sejarah tentang kehadiran konsep lagenda dan mitos. Ahli sejarah mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Hegel, ahli sejarah Jerman (ahli sejarah abad ke -18) yang telah menghasilkan karya seperti *Phenomenology of Spirit* (1807), *The Science of Logic* (1812 - 1816) dan *the Lectures on the Philosophy of History* (1831) tidak menganggap mitos dan lagenda sebagai memberi sumbangan dalam 'Original History, (4)

Legends, Myth, ballad Stories, Traditions must be excluded from such Original History.

Ini disebabkan Hegel adalah ahli sejarah moden yang mementingkan "logic, "Nature" dan "Spirit." Manakala Giambattista Vico lebih terbuka daripada Hegel. Vico berpendapat mitos dan lagenda sesuatu yang perlu dan penting bagi ahli sejarah untuk mengkaji masa silam. Melalui mitos dan lagenda ahli sejarah dapat mencari panduan (clue) tentang kehidupan dan sejarah masyarakat silam, (5)

.....ancient myths and traditions are providing clue to the ways of life and history of the people who created them and perhaps most interestingly-in his interorientation of languages.

Tetapi Vico menegaskan unsur lagenda dan mitos harus digunakan secara munafaat dan kritis, (6)

"imaginative effort and critical discernment"

Manakala R.G.Collingwood menganggap mitos dan lagenda sebagai sejarah teokratik. Di dalam sejarah teokratik, manusia bukan agen, sebaliknya mitos dan lagenda tidak terlibat dengan tindakan berupa kemanusiaan.(7) Pada pandangan R.G. Collingwood, lagenda dan mitos tidak memenuhi empat ciri sejarah iaitu (8) (a) bahawa ia adalah saintifik atau bermula dengan mengemukakan persoalan-persoalan, sedangkan pengarang lagenda dan mitos bermula dengan mengetahui sesuatu dengan memberi tahu apa yang diketahui, (b) bahawa ia adalah tentang kemanusiaan, atau kelakuan manusia pada zaman silam (c) bahawa ia adalah rasional atau jawapan-jawapan yang dikemukakan adalah rasional berdasarkan bukti-bukti, (d) ia adalah menjelaskan diri atau ia wujud untuk memberitahu manusia apakah manusia lakukan pada masa silam.

4. George Wilhem Friedrich Hegel, *The Philosophy of History*, hal, 2.
5. Patrick Gradiner, *Theories of History, Vico, The Interpretation of the historical Proses*, hal 11.
6. Ibid, hal, 11.
7. R.G. Collingwood, *Idea Sejarah* (terjemahan), hal 2.
8. R.G. Collingwood, *Idea Sejarah* (terjemahan) hal, 7.

Masyarakat zaman silam sebelum wujudnya tulisan melahirkan idea-idea dan pendapat melalui tradisi lisan dengan menggunakan simbol-simbol. Simbol-simbol ini begitu penting untuk mewujudkan perpaduan dan melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan saling bekerjasama diantara satu dengan lain. (9)

"myth is the exigencies of the symbol. It unfolds in a series of out worldly connected actions where the symbols embodies in a unity.

Simbol-simbol ini diwaris dari satu generasi ke satu generasi melalui lisan. Unsur mitos dan lagenda yang digambarkan melalui simbol-simbol mempunyai unsur-unsur keagamaan, undang-undang, moral dan etika. ahli sejarah zaman moden selalu merujuk kepada karya-karya lama yang mengandungi mitos lagenda untuk mengetahui masyarakat zaman silam. Dengan memahami zaman silam menolong ahli sejarah memahami keadaan masa sekarang. (10)

.....some knowledge of their past may help in understanding them in the present.

Tambo Minangkabau

Perkataan Tambo sejarah, asal usul keturunan serta riwayat zaman dahulu. Kata Tambo juga sering disebut Tarambo. Pengertian Tambo mungkin sama pengertian dengan kata babad dalam cerita Jawa. (11) Di dalam Tambo Minangkabau menganggap tambo merupakan 2% fakta sejarah yang tenggelam dalam 98% mitologi. (12) Tambo Minangkabau tidak terdapat angka-angka tahun kerana fakta waktu tidak pernah memainkan peranan penting. Tambo Minangkabau dapat di anggap sebagai Historiografi Tradisional iaitu penulisan sejarah menurut pandangan dan kepercayaan masyarakat setempat secara turun-temurun. Tambo Minangkabau merupakan penulisan sejarah Minangkabau secara turun temurun kerana adanya unsur kepercayaan dan pandangan masyarakat. Unsur mitos dan lagenda didalam Tambo Minangkabau sentiasa di pelihara dan dijaga serta diperturunkan dari satu generasi kesatu generasi, (13)

".....the clan will repeat its legends, generation after generation."

9. J.J. Bachoten, Myth, Religions and Mother right, hal, 48.

10. Alban G. Widgery, The Meanings in History, hal, 2

11. Babd Tanah Jawa dapat dianggap sebagai "Mythic Elements in Malay Historiography." Lihat M. Ramlan, Babad Tanah Jawa (terjemahan) DBP, 1975.

12. M.D. Mansoer, Sejarah Minangkabau hal, 37.

13. James Shotwell, An Introduction To The History, hal, 24.

Unsur legenda dan mitos didalam Tambo Minangkabau mempunyai kepentingan tertentu. Ia dapat membantu manusia menyingkap rahsia, keadaan untuk memberi makna pada eksistensinya untuk membuka kepada jalan kebenaran. Tambo Minangkabau membantu ahli sejarah mencari panduan (clue) asal usul Raja Minangkabau, negeri dan adat istiadat yang berdasarkan kepercayaan dan pandangan masyarakat. Unsur mitos didalam Tambo Minangkabau bertujuan untuk dijadikan pusaka literature nenek moyang bukan sahaja di Alam Minangkabau malahan di luar Alam Minangkabau. (14) Keturunan atau salasilah Raja Minangkabau telah diberi unsur mitos dan legenda bertujuan memberi konsep daulat, dengan harapan masyarakat Minangkabau memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi. (15) Raja Minangkabau dikaitkan dengan Iskandar Dzulkarnain dari segi keturunannya. Dari keturunan Iskandar Dzulkarnain, lahir empat tokoh utama seperti Maharaja Diraja, Maharaja Alif juga dikenali sebagai Raja Rom (King of Rome), Maharaja Dapang yang menjadi raja di China dan Jepun dan Seri Alam (versi Semenanjung yang menjadi Sultan Johor). Maharaja Diraja menjadi Raja Minangkabau. Maharaja diraja sebagai wakil Tuhan di Bumi Allah's ("Allah's tradition upon earth) dan Khalifah di bumi Allah ("Allah's Successor upon Earth" is meant). (16) Asal usul Raja Minangkabau diolah berserta unsur imaginasi dalam bentuk mitos dan legenda, (17) Cerita lain yang dianggap sejenis dengan Terambo Minangkabau ialah Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Banjar, Hikayat Merong Mahawangsa dan Kronik Kutai.

Tujuan unsur mitos dan legenda di dalam Tambo Minangkabau untuk memberi gambaran, kepercayaan orang Minangkabau terhadap salasilah keturunan raja, penyusunan adatnya, asal usul negeri, selok belok adat istiadatnya. Bertitik tolak dari sini Tambo Minangkabau berfungsi menyatukan pandangan orang Minangkabau terhadap asal usul nenek moyang mereka, asal usul negaranya, adat istiadatnya sehingga mengeratkan perpaduan (unity) dikalangan anggota masyarakat Minangkabau. Mereka akan berasa seadap senegeri, seketurunan, (18)

*.....unity of universal, essential will with that
of the individual, this is morality. The individual living
in this unity has a moral life"*

Tujuan Tambo yang telah diberi unsur mitos dan legenda supaya masyarakat Minangkabau samada berada di alam Minangkabau atau diluar Alam Minangkabau Terutama di Negeri Sembilan untuk menimbulkan rasa kebangsaan orang yang

-
14. Alam Minangkabau terdiri daripada Luhak Nan Tigo (three luha'), Agam, Luha' Kato dan Tanah Datar. Lihat P.E.de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal, 101.
 15. Yusuff Iskandar, Unsur Mitos dan Lagenda dan Fungsinya dalam Sejarah Melayu, hal 18.
 16. P.E. de Joselin de Jong, Minangkabau dan Negeri Sembilan, hal, 97.
 17. R.G. Majumdar and A.N. Srivastra, Historiography, hal, 2.
 18. George Wilhelm Friedrich Hegel, The Philosophy of History, hal, 38.

berketurunan Minangkabau terhadap rajanya, ketinggian adat istiadatnya serta untuk menanam rasa cintanya terhadap negaranya. Didalam Tambo Minangkabau yang menyatakan asal usul Raja Minangkabau yang digambarkan secara mitos, lagenda, etnologi rakyat atau dongeng juga merupakan sumber pengetahuan yang berharga yang memberi gambaran masyarakat Minangkabau masa lalu, dapat membantu ahli sejarah mengetahui kepercayaan, pandangan hidup (world view), cara berfikir dan adat istiadat. Hanya mengetahui latar belakang, kedudukan, jenis, serta tujuan penulisan, baru ahli sejarah dapat menggunakan untuk penyelidikan ilmiah. Bagi ahli sejarah unsur mitos, lagenda dan etnologi rakyat tidak dapat dianggap sejarah, tapi ia membantu ahli sejarah untuk mencari arah dan panduan (clue) dalam membuat sesuatu penyelidikan terutama sejarah Minangkabau. Ahli Sejarah menggunakan unsur mitos dan lagenda secara kritis dan berhati-hati. (19)

....." *a mixture of truth and legend, fantasy and fact, entertainment and instructions.*"

Di akhir Tambo Minangkabau terdapat asal usul Raja Minangkabau serta asal usul adat Minangkabau, (20)

"Tamat Al-Kitab tarambo segala alam, tarambo Datok Makhдум sakti, ialah turun temurun daripada Datuk Katamanggunguan serta Datuk Perpatih Nan Sebatang di atas daulat yang di-pertuan sakti itulah nan dipakai tiap-ti negeri, laras luak dan tiap-tiap suku dan lalu kebatang rantau. Jika diubah pusaka yang tersebut ini dek luak atau laras atau nagari atau dek rantau atau suku dimakan bebukali biso qawi daulat yang dipertuan Sakti."

Tidak sesiapa berani mempersoalkan kebenarannya atau cuba mengubahsuai isi kandungannya kerana takut kena tulah (kutuk). Tulah atau kutukan nenek moyang merupakan hal yang paling ditakuti oleh masyarakat Minangkabau walaupun terdapat unsur mitos dan lagenda.

Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan

Raja Memewar yang dikatakan berketurunan Raja Minangkabau telah diberi unsur lagenda. Raja Minangkabau yang bergelar Jangdipatuan (ejaan Josselin de Jong) mempunyai sifat-sifat yang suci (sacre) dan mulia (seen in scared light and air of mystery surrounded him.) (21) Unsur lagenda yang terdapat dalam keturunan Raja Minangkabau bertujuan untuk menguatkan kekuatan fizikal Raja Minangkabau menentang ancaman dari agama Hindu, Christian atau Islam. (22) Di sini lagenda berfungsi meningkatkan status

19. J.C. Bottoms, "Malay Historical Works, Note on Malay History as possible Sources for the History Malaya" dalam Treggonning (ed) Malaysia Historical Sources, Singapura, 1962, hal. 42.

20. Drs Edward Dj Amaris, Tambo Minangkabau, ditinjau secara struktural, dipetik.

fizikal raja supaya ancaman dari kerajaan lain tidak dilakukan. Tambahan pula Raja Minangkabau tidak mempunyai kekuatan militari. Timbulah Raja Minangkabau yang pertama Adityavarman yang gagah lagi perkasa. Unsur lagenda begitu penting sebagai unsur penyelamat dan unsur perpaduan di kalangan orang Minangkabau. Raja Minangkabau juga diberi unsur mitos dan lagenda dengan mengaitkan dengan Raja Kecil. Gelaran Raja Kecil iaitu Yang Di-Pertuan Raja Kecil di beri oleh Raja Pagar Ruyung. (24) Raja Minangkabau dikaitkan dengan Raja Kecil kerana Raja Kecil telah digambarkan dengan suasana mitos dan menarik sekali. (25)

" Syahdan Yang Di-Pertuan Sultan Abdul Jalil Syah kepada malam itu baginda minta buat nasi rendam. Dan kepada malam itu baginda hendak beradu, lalu memanggil Cik Pong anak laksamana dan disuruh memicit kaki baginda. Kepada masa itu bini peri sudah pergi. diketahuilah akan baginda itu mangkat dan kepada waktu dinihari baginda datang berahi. Maka terpancar mahnikam itu ketikar dan baginda bertitah, Hai telanlah olehmu dan kandunglah rahsiaku supaya adalah benih Raja Iskandar Zulkarnain di dalam Tanah Melayu ini, jangan putus nasabkuDengan takdir Allah Taala berlaku kepada hambanya, dengan seketika Cik Aipong pun hamillah."

Tidak hairanlah kita Raja Minangkabau dikaitkan dengan Raja Kecil kerana Raja Kecil adalah keturunan Iskandar Zulkarnain dan dilahirkan secara luar biasa. Tujuan mitos ini ialah untuk memperolehi karisma Raja Minangkabau bagi meninggikan taraf peribadi dan mendaulatkan Raja Minangkabau sebagai raja yang sah di kaca mata masyarakat Minangkabau. Gambaran yang diberikan kepada Raja Minangkabau secara mitos dan lagenda untuk menyatukan masyarakat Minangkabau bukan sahaja di Minangkabau. Yang diPertuan sebagai unsur penyatu dan perpaduan, (26)

"The Jangdipatuan's functions of unifying of almost literally incorporating all his territories."

kepentingan motiis dan lagenda terhadap Raja Minangkabau diterima dan tidak pernah dipersoalkan baik di Alam Minangkabau ataupun luar Minangkabau selagi ia tidak bercanggah dengan amalan masyarakat pada ketika itu. Ia dipandang mulia dan tinggi, (27)

"is to accept it as true, unless it itself contradicts what has already been believed or seems to imply such a contradiction."

21. P.E.de Josselin de Yong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal 105.

22. J.Kathirithamby-Well, Myth and Reality, Minangkabau Institutional Traditions in Rantau, hal 123.

24. Mohd Yusof Hashim. Hikayat Siak, suatu Pengenalan Tekstuil, 1985

25. Mohd. Yusof Hashim. Hikayat Siak suatu Pengenalan Tekstuil, 1985

Kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan bermula lebih kurang sekitar 1500 atau lebih awal dari itu. (28) Dari tahap ini mula terbentuk sistem politik yang tertentu. Negeri Sembilan tidak mempunyai Raja atau Sultan tersendiri dan bergantung kepada Melaka dan selepas 1511 bergantung kepada Johor. (29) Pembesar dilantik oleh Yang Di- Pertuan Besar Johor. Pengawal Johor terhadap pembesar semakin berkurang terutama selepas kedatangan Bugis pada awal abad ke-18. Pada tahun 1948, Daeng Kemboja menandatangani satu perjanjian dengan Belanda., tiap-tiap negeri itu diletakan dibawah pengaruh Bugis. Johor pada ketika itu diperintah oleh Sultan Sulaiman tidak mampu menyekat pengaruh Bugis. (30) Dengan itu Penghulu Luak menjemput seorang anak Raja dari Pagar Ruyung supaya dapat dijadikan raja serta dapat menyelesaikan masalah yang berbangkit di Negeri Sembilan.

Gambaran kegemilangan dan kedaulatan Raja Minangkabau yang digambarkan secara mitos dan lagenda telah sedia maklum oleh penduduk Negeri Sembilan kerana orang Minangkabau telah datang lebih awal dari kedatangan Raja Melewar. Kebanyakan orang Minangkabau berpusat di Rembau (31) dan Naning. Kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan telah membawa cahaya kepada penduduk tempatan. Penduduk tempatan tergolong kepada dua kumpulan iaitu Negrito Semang dan Veddoid Senoi (Sakai). (32) Kebanyakan orang Minangkabau terutama lelaki berkahwin dengan perempuan tempatan. Digambarkan secara lagenda orang Minangkabau yang mendatang bersetuju untuk mengutamakan keturunan sebelah ibu setelah berunding dengan penduduk tempatan, (33)

".....the legends presuming the Sakai to agree with the Minangkabau in having a matrilineal organisation."

Kehidupan masyarakat Negeri Sembilan ada persamaan dengan kehidupan masyarakat Minangkabau dari segi mengutamakan sebelah ibu (matrilineal descent) dan adanya hubungan darah (siblingship) serta kedua-duanya masyarakat mengamalkan mazhab Shafie (Shafite branch of Sunni). (34) Demi untuk mencari identiti, mengeratkan perpaduan dikalangan penduduk tempatan (Negeri Sembilan) pembesar tempatan menjemput anak Raja Pagar Rujung untuk dijadikan Raja di Negeri Sembilan. Kedatangan Raja Melewar di gambarkan dengan unsur lagenda. Beliau diiringi dengan 40 orang pengawal ke Siak, dari Siak juga diiringi oleh 40 orang pengawal ke Melaka. Dari Melaka Raja Melewar diiringi oleh 40 orang pengawal ke Naning seterusnya dari Naning diiringi

26. P.E. de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal 106

27. James shoivell, an Introduction To The History, hal, 19.

28. Micheal G. Peletz, Siblingship and Sosial Structure In Negeri Sembilan, Perspectives from Myth, History and The Present, hal, 73.

29. P.E.de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal, 120.

30. Khoo Kay Kim, Negeri Sembilan, its Orginal and Development till 1869, hal, 4.

31. P.E. de Josselin de Jong, Minangkabau and negeri Sembilan, hal, 121.

oleh 40 orang pengawal sebelum sampai ke Rembau. (35) Tujuan kedatangan Raja Melewar ke Rembau (Negeri Sembilan) diberi gambaran yang berunsurkan lagenda bertujuan meningkatkan status raja, mendaulatkan serta menyatupadukan masyarakat Negeri Sembilan dengan memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Sebelum kedatangan Raja Melewar, pembesar-pembesar sentiasa bertelingkah untuk merebut jawatan Yang Di-Pertuan. Dari segi kepentingan ahli sejarah, gambaran yang diberikan secara mitos dan lagenda tidak dapat dianggap sebagai sumber sejarah tetapi ia dijadikan petunjuk asal usul sesuatu masyarakat, Jika kita buat bandingan antara organisasi politik dan sosial di Minangkabau dengan organisasi politik dan sosial di Negeri Sembilan agak jauh perbezaannya, Satu perbezaan besar ialah di Minangkabau terdiri dari nagari (villages) manakala di Negeri Sembilan terdapat luha' (Districts). (36) Terdapat juga perbezaan dari segi perlembagaan (constitution) diantara nagari dan luha' sebab luha' ditadbir oleh seorang pembesar iaitu Undang kecuali Sungai Ujong yang ditadbir oleh dua orang pembesar iaitu Klana dan Bandar manakala di Minangkabau, nagari ditadbir oleh satu majlis samada ditadbir oleh Penghulu Andiko atau Penghulu ka - IV suku, (37)

.....in Negeri Sembilan social structure an Undang was needed to "conform to Sumateran model is obviously incorrect."

Penggunaan suku di Minangkabau juga berlainan di antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan. Di Minangkabau perkataan suku merujuk kepada penghulu ke ampe suku (head of four clans) yang membentuk rapat penghulu (council of penghulu) dan penghulu kampung di peringkat bawah. (38) Manakala di Negeri Sembilan suku merujuk kepada empat kumpulan/puak Sakai yang digambarkan secara lagenda berasal dari Selatan Semenanjung Tanah Melayu berhijrah dan menetap di Johol, Jelebu, Klang dan Sungai Ujong. Ke empat kumpulan ini dikenali sebagai suku yang empat. (39)

Jika kita lihat kepentingan mitos dan lagenda dengan hubung kait diantara organisasi kerajaan Minangkabau dan Negeri Sembilan bertujuan untuk menyatukan masyarakat di Negeri Sembilan dan mencari identiti.

32. P.E. de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal, 121

33. Ibib, hal, 121.

34. Micheal G. Peletz, Siblingship and Sosial Structure in N.S. Perspectives from Myth, History and the Present., hal. 75.

35. Martin Iyster, Negeri Sembilan, Their Origin an Constitution, Journal Of The Stait Branch of the Royal Asiatic Society, hal, 42 (1965).

36. P.E. de Josselin de Young, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal, 164.

37. Iiid, hal, 27.

38. J.Kathirithamby-Well, Myth and Realty, Minangkabau Institutional Traditions in Rantau, hal, 127.

39. P.E.de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, hal, 166.

ADAT PERPATIH.

Berdasarkan Tambo Minangkabau, Datuk Katamanggung dan Perpatih merupakan tokoh lagenda. Unsur lagenda begitu penting untuk mengwujudkan kesedaran berbangsa bukan sahaja di alam Minangkabau tetapi di luar Alam Minangkabau. Suatu hal yang penting untuk mengwujudkan satu bangsa ialah dilihat dari segi ikatan persamaan bagi kelompok manusia, persamaan keturunan, persamaan darah, persamaan negeri negeri, persamaan adat istiadat. Unsur lagenda yang dikaitkan dengan kedua-dua tokoh adat yang disampaikan dalam bentuk cerita, disampaikan turun temurun dari satu generasi ke satu generasi untuk persamaan kesedaran, persamaan fikiran, persamaan pandangan (world view), dan persamaan kemahuan. (40)

.....maka tatkala Datuk Perpatih Nan Sebatang akan hampir mati, maka dipanggilnya tiap-tiap nagari seorang sekoto nan selaras Budi Caniago. Maka kata beliau pada penghulu, pegangan pitaruh hamba, hai segala yang berbicara akan selepas patuh kata."

Berdasarkan lagenda Minangkabau, Datuk Katamanggung sebagai Lareh (laras) Koto Piliang menyusun adat Temenggung dan Datuk Perpatih nan Sebatang sebagai Lareh(laras) Budi Caniago menyusun adat Perpatih di alam Minangkabau. Pada mulanya kedua-dua tokoh adat ini berasal dari satu rumpun. (41) Adat Perpatih yang menyusurgalurkan salasilah sebelah ibu bersesuaian dengan keadaan di Negeri Sembilan, juga mementingkan salasilah sebelah ibu yang dibawa oleh pendatang Minangkabau yang datang pada peringkat awal. (42) Berdasarkan kepada sejarah, suku Minangkabau adalah orang yang suka merantau. Peneroka pertama yang datang ke Negeri Sembilan pada amnya berasal dari luak 50 koto, seperti Payakumbuh, Serilemak dan Mungkal dan dari luak Tanah Datar seperti Tanah Datar. Luhak Agam, luhak 50 koto dan luhak Tanah Datar merupakan daerah pendalaman, di mana penghuninya mengamalkan adat yang dicipta oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang. (43)

Demi untuk perpaduan dan mencari identiti masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan yang sentiasa dalam perselisihan untuk merebut sesuatu jawatan dan

40. Dipetik dari Drs Edward Dj Amaris, **Tambo Minangkabau**. Pertama kasih engkau pada negeri, kedua kasih engkau pada isi negeri, ketiga kasih engkau pada orang kaya, keempat kasih engkau pada orang tua, kelima kasih engkau pada orang berilmu, keenam kasih engkau pada orang gadang, ketujuh kasih engkau pada segala penghulu yang benar, itulah nan tinggi dalam negeri. Maka janganlah engkau ubahi sepinggalan aku, supaya selamat perkerjaan engkau selama-selamanya.

41. Michael G. Peletz, **Siblingship and Social Structure**, hal, 95.

42. Ibid, hal, 95.

43. Abdullah Sidek, **Konsep Adat Perpatih dalam Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia**, hal, 112

pangkat, mereka menerima tokoh legenda Datuk Perpatih Nan Sebatang untuk mewujudkan perpaduan dikalangan masyarakat tempatan. (44) Adat Perpatih di Minangkabau banyak diamalkan di daerah pendalaman, (over fresh water and the interior respectively) manakala adat Ketemenggungan diamalkan di kawasan persisir.(45) Dari segi peranan pula, adat Perpatih dan adat Temenggung mempunyai fungsi tertentu. Adat Perpatih organisasi berlembaga dan kelembutan adat (favour government by counceils and lenience in legal matters) manakala adat katemenggungan (Temenggung) membentuk kerajaan beraja dan melaksanakan keadilan. (46) Tetapi berlainan di Negeri Sembilan kerana perlaksanaan adat Perpatih dan adat Temenggung diamalkan dinegeri yang berlainan. Negeri Sembilan mengamalkan adat Perpatih manakala selain dari Negeri Sembilan mengamalkan adat Temenggung. (47)

Adat Perpatih dan adat Temenggung telah mengalami konflik dan krisis diantara kedua adat tersebut dan adat Perpatih juga mengalami krisis dengan agama Islam (Mohammed an Law) kerana ianya mengutamakan salasilah sebelah ibu tetapi adat Temenggung yang berdasarkan salasilah sebelah bapa(patriarchal) bersesuaian dengan agama Islam. Keagungan kedua-dua tokoh adat yang digambarkan secara legenda membawa kepada kesempurnaan pedoman hidup (world view) dan nilai-nilai sosial (social value) juga membawa kepada perkembangan adat mereka kearah yang lebih baik lebih sempurna dan lebih bermutu.

Adat Perpatih adalah satu "total prestation" atau faktor sosial yang tersepadu ke dalam satu sistem sosial. Ia melibatkan seluruh sistem sosial yang berorientasikan organisasi matrilineal dan dalam konfigurasi adat terangkum unsur-unsur keagamaan. Adat Perpatih yang dijelmakan dalam bentuk mitos dan legenda berfungsi memberi sesuatu ideologi kepada masyarakat, sebagai sifatnya yang paling asasi dan sendi (fundamental) ideologi merupakan pegangan moral dan keyakinan. Tanpa penjelmaan dalam bentuk mitos dan legenda, ia akan berfungsi lemah dan akan membenarkan kemasukkan prinsip serta ideologi lain sebagai gantian (alternative) kepada ideologi adat Perpatih. (48) Dengan itu adat Perpatih di Negeri Sembilan menjadi rukun/syarat utama bagi mewujudkan masyarakat adat Perpatih yang dijelmakan dari Datuk Perpatih Nan Sebatang yang berunsurkan legenda. Seterusnya membentuk kelompok-kelompok padu yang diperlukan oleh masyarakat dalam menjalankan berbagai peranan dan fungsi.

44. Micheal G. Peletz, *Siblingship and Social Structure in Negeri Sembilan, Perspective from Myth, History and the Present*, hal, 96 -97.

45. P.E., de Josselin Yong, *Minangkabau and Negeri Sembilan*, hal, 73.

46. Ibid, hal, 168.

47. Ibid, hal 168.

48. Samad Idris, *Hubungan Negeri Sembilan dan Minangkabau dari segi sejarah dan Kebudayaan*, dlm Seminar Internasional mengenai Kesusteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan, Bukit tinggi, 1980.

Jestru itu masyarakat terbentuk dari himpunan dari beberapa kelompok sedarah yang dinamakan suku, setiap suku mempunyai nama tersendiri. (49)

Unsur Mitos Kedatangan Agama Islam ke Negeri Sembilan.

Salah satu kepentingan unsur mitos ialah untuk dijadikan sandaran untuk mendapatkan maklumat. Ahli sejarah menggunakan unsur mitos secara berhati-hati dan secara teliti untuk mencari maklumat, membuktikan kesahihan maklumat untuk dijadikan bahan kajian. Kedatangan agama Islam ke Negeri Sembilan dihubungkan dengan kedatangan orang Minangkabau. (50) Ini berasaskan kepada terjumpanya batu nesan serta kubur kepunyaan Sheikh Ahmad di Linggi, 51 Negeri Sembilan. Dari batu nesan itu terdapat tulisan-tulisan menyerupai dengan batu bersurat di Batu Sangkar dan Pagar Ruyung dan dikatakan kononnya Al-Marhum Sheikh Ahmad berasal dari Minangkabau. Ini semua tidak benar, ianya merupakan mitos sahaja.

Berdasarkan fakta sejarah, tidak terdapat batu nesan/batu bersurat yang menyerupai batu nesan/batu bersurat di Linggi di Batu Sangkar atau Pagar Ruyung. (52) Pekan Batu Sangkar wujud di sekitar benteng Belanda dan dinamakan mengikut nama Gabnor Jeneral Belanda pada awal perang Padri. Manakala di Pagar Ruyung iaitu di Kampung Gudam 111 memang terdapat batu bersurat dan terdapat banyak batu nesan dijumpai disebidang tanah perkuburan yang disebut "Ustano" (permakaman) Rajo. Tetapi batu bersurat yang terdapat di Gudam 111 Balai itu adalah peninggalan Adityavarman, iaitu raja Minangkabau yang pertama berketurunan Melayu(Jambi) - Majapahit sekitar tahun 1345 - 1375. (53) Oleh kerana itu, batu bersurat di Kampung Gudam 111 tidak sama dengan batu bersurat/batu nesan di Linggi, tambahan pula batu nesan/batu bersurat di Pagar Ruyung terdapat tulisan mirip kepada aksara Jawa-Majapahit dan bahasa yang digunakan dalam bentuk bahasa sansekerta yang kacau bilau. Manakala batu nesan di Ustano Rajo memang terdapat tulisan Arab seperti di Linggi tetapi umurnya tidak lebih dari 150 tahun.

49. Terdapat dua belas suku di Negeri Sembilan iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Acheh, Anak Melaka dan Tiga Batu- Lihat Baharudin bin Haji Yaakub, **beberapa konsep penting** berkenaan perut, suku, jurai, luak, merantau. Tiap suku tidak ada kaitan dengan suku di Minangkabau, P.E. de Josselin Jong, hal, 166

50. Samad Idris, **Hubungan Minangkabau dengan negeri Sembilan dari segi Sejarah dan Kebudayaan**, hal, 13

51. Linggi terletak kira-kira 23 batu menuju arah Port Dickson.

52. M. Dahlan Mansor, **Minangkabau dan Negeri Sembilan, tinjauan kaitan sejarah dan Kebudayaan**, 4-5

53. *Ibid*, hal, 5.

Berdasarkan bukti dari Pagar Ruyung, amat diragukan hubungan batu nesan Sheikh Ahmad di Linggi dengan batu bersurat di Pekan Batu Sangkar serta di Pagar Ruyung. Ia semata-mata berunsurkan mitos bertujuan meningkatkan status keturunan Minangkabau dari segi kedaulatan dan kewibawaan yang dimiliki terutamanya yang berketurunan Raja. Unsur mitos ini dianggap benar dan tepat serta merupakan satu cara masyarakat tradisi untuk mencari identiti serta pandangan terhadap dunia luar, (54)

.....to gain a view of entire history of a people or a country or of the world."

Sebagai rumusan mitos dan lagenda begitu penting bagi masyarakat yang belum lagi melahirkan pernyataan dan fikiran melalui tulisan. Bagi ahli sejarah ianya begitu penting untuk mengkaji masa lalu sebab sejarah adalah peristiwa-peristiwa masa lalu. Masyarakat masa lalu juga mempunyai kesedaran konsep masa lalu seperti masyarakat masa sekarang sebagai satu usaha memelihara tradisi bangsa untuk mewujudkan perpaduan, hiburan serta kritikan. Di dalam New History yang mementingkan bahan-bahan sosial, mitos dan lagenda yang dianggap unsur sastera adalah begitu penting. Bahan-bahan atau karya-karya yang mengandungi unsur mitos dan lagenda sebagai bahan pengimbang, jika ahli sejarah menggunakan bahan-bahan dari barat. Ini disebabkan mitos dan lagenda mempunyai fakta-fakta asas yang semestinya digunakan secara berhati-hati.

Bahan Rujukan

1. Alban G. Widgerly : *The Meaning in History*, London 1967.
2. Abdullah bin Sidek (Dato') : *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1975
3. Abdul Samad bin Idris (Dato') : *Konsep Adat Perpatih*, dipetik dari *Seminar Adat Perpatih, Sejarah dan Kebudayaan*, Bukit Tinggi, Indonesia 1980.
4. Abdul Samad bin Idris : *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari segi sejarah dan kebudayaan*, *Pustaka Asas Negeri* 1970
5. Drs. Edward Djamaris : *Tambo Minangkabau, Tinjauan Struktural*, *Seminar Internasional mengenai Kesusasteraan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau*, Bukit Tinggi 1980.
6. J.C. Bottom : *Malay Historical Work, Note on Malay History as possible source for the History of Malaya dalam Treggoning (ed) Malay Historical Sources*, Singapore 1962
7. James Short Well : *An Introduction To The History*, New York 1922
8. J. Kathirithamby Well : *Myth and Reality, Minangkabau Institutional Traditions In the Rantau in Change and Continuity in Minangkabau Local, Regional and Historical Perspectives on West Sumatra*, Lynn L. Thomas and Franz Von Benda-Beckmann, Athens 1985.
9. George Wilhelm Fried Rich Hegel : *The Philosophy of History*, New York, 1956,
10. Khoo Kay Kim : *Negeri Sembilan, its Origin and Development, till 1869*, *International Conference on Asian History, Department of History, UM*, 1968.
11. J.J. Bachoten : *Myth, Religions and Mother Right*, London, 1956.
12. M. Dahlan Mansoor : *Minangkabau dan Negeri Sembilan, tinjauan dari segi sejarah dan Kebudayaan*, *Seminar Persejarah Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan*, 1974.
13. M. Dahlan Mansoor : *Sejarah Minangkabau*, Jakarta, 1970
14. Micheal G. Peletz : *Siblingship and Social Structure in N. Sembilan*, Lynn L. Thomas and Franz von Benda-Beckmann (ed.) Athens, Ohio 1985.
15. Martin Lister : *N. Sembilan, Their Origin and Constitution*, JSBRAS, no.1 9, 1887.
16. New Webster's : *Dictionary, College Edition*, New York, 1980.
17. M. Ramlan (ed) : *Babad Tanah Jawa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL 1975
18. R.G Collingwood : *Idea Sejarah*, Dewan Bahasa dan Kuala Lumpur, 1985.
19. R. G. Majumdar dan A. N. Srivastra. : *Historiografi*, New Delhi, 1975
20. P.E. de Josselin de Jong : *Minangkabau dan Negeri Sembilan*, Leiden, 1952.
21. Yusuf Iskandar : *Unsur mitos dan legenda serta fungsinya*, K.L 1985
21. M. Yusuf Hashim : *Hikayat Siak, Suatu Pengenalan Tekstull dan Historiografi*, DBP, 1976
22. Toynbee : *History Critical Essay, Review*, Boston, 1956
22. Patrick Gradiner : *Theoris of History, Vico, The Interpretation of the Historical Proses*, London, 1945